

Pelajar Usim wakili negara

SEREMBAN - Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) di Nilai, Mohamad Husaini Mahmud, 22, terpilih mewakili negara ke Tilawah Al-Quran Antarabangsa Untuk Pelajar Muslim kali ke-5 di Tehran, Iran pada 1 hingga 4 Januari depan.

Penolong Pendaftar Pusat Komunikasi Strategik Usim, Mohd Zaini Othman berkata, pemilihan pelajar tahun akhir Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi itu dibuat berdasarkan pencapaian cemerlang dalam beberapa musabaqah al-Quran, sebelum ini.

"Mohamad Husaini merupakan johan Pertandingan Tilawah Al-Quran Antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan Pertandingan Tilawah Al-Quran Amal Islami, Putrajaya, termasuk naib johan musabaqah peringkat Negeri Sembilan.

"Sebagai persediaan, dia

akan dibimbing Pensyarah Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) Usim, Ustaz Anuar Hasin yang turut bersama Mohamad Husaini ke sana sebagai pegawai pengiring," katanya yang memberitahu Anuar adalah Johan Pertandingan Tilawah Al-Quran peringkat kebangsaan 2013 dan juara Program Akademi Al-Quran musim kedua.

Sementara itu, Mohamad Husaini pula amat gembira dan teruja kerana diberi kepercayaan untuk menggalas cabaran dalam pertandingan yang bakal berlangsung di Milad Tower, Tehran itu.

"Dipilih mewakili negara ke pertandingan ini adalah sesuatu yang tidak dijangka dan pastinya saya akan berusaha yang terbaik," katanya selepas menghadiri Majlis Amanat Ringkas bersama Naib Canselor Usim, Prof Datuk Dr Musa Ahmad, kelmarin.



Anuar (kanan) menerangkan persiapan dibuat bersama Mohamad Husaini (tengah) kepada Musa (dua, kiri).